

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 6**  
**RUANGAN : NASIONAL**

# Kesesuaian ketum, ganja dalam perubatan diteliti

**Kota Bharu:** Kerajaan akan berbincang dengan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi melihat kesesuaian dan kaedah penggunaan ketum serta ganja dalam bidang perubatan sekiranya ia dibenarkan di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata beliau akan memperincikan perkara itu termasuk melakukannya perbincangan dengan pihak industri, persatuan dan badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan.

Beliau berkata, perbincangan juga dibuat untuk melihat kesesuaian bagaimana cara tanaman itu ditanam, diproses serta dijual hasilnya dalam keadaan terkawal.

"Saya sendiri sudah diben-

tangkan oleh beberapa pasukan daripada industri dan persatuan berhubung ketum dan kanabis yang kita lihat di dunia ini termasuk Thailand yang aktif, namun di negara ini ia adalah barang di bawah kawalan.

"Kalau dapat hasilkan dalam keadaan terkawal dari segi tanaman dan proses untuk bidang perubatan dalam negara, termasuk menghasilkan minyak serta lebih kepada eksport, ini mungkin salah satu perkara yang kita perlu fokus," katanya.

Beliau yang juga Menteri Perladangan dan Komoditi berkata demikian ketika mewawat Lemba-

gi Siti Aminah Acbing.

#### **Halaman ini**

Fadillah berkata, tanaman berkenaan mempunyai nilai yang positif terutama dalam bidang perubatan dan kawalan perlu dibuat memandangkan ia mempunyai persepsi negatif.

Media sebelum ini melaporkan, mekanisme kawalan yang teratur perlu diadakan terlebih dulu sebelum industri berasaskan produk ganja dan ketum dibangunkan di negara ini.

Ia penting bagi melindungi rakyat daripada kemudarat ankit bat penyalahgunaan dan penagihan bahan psikotropik yang terdapat pada kedua-dua tanaman terbabit.



*Fadillah bersama Siti Aminah melihat pameran di Ibu Pejabat Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara, Kubang Kerian, semalam.*

(Foto BERNAMA)

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 9**  
**RUANGAN : NASIONAL**

# MVP, Pfizer bantu Malaysia hasilkan vaksin pada 2030

Usaha jamin bekalan untuk negara hadapi pandemik pada masa depan

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kajang:** Malaysia dijangka mengeluarkan vaksin sendiri menjelang 2030, sekali gus menjamin keselamatan bekalan untuk negara jika berlaku sebarang pandemik pada masa depan.

Menyatakan ini, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang, berkata menerusi kerjasama awam swasta antara Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM), melalui Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI) bersama MVP Healthcare Sdn Bhd (MVP) dan Pfizer Malaysia Sdn Bhd (Pfizer), Malaysia akan membangunkan kapasiti pembangunan vaksin dan tidak perlu lagi bergantung kepada pengeluar vaksin luar negara.

"Ketika ini, kita mahu membangunkan kapasiti terlebih dahulu sebelum menentukan jenis vaksin yang akan dihasilkan."

"Memang negara mampu melakukan penjimatan dari segi kos jika kita mampu menghasilkan vaksin sendiri, namun apa yang lebih penting adalah keselamatan vaksin untuk negara kita."

"Ketika COVID-19 pada 2020,



Lih Kang (belakang, dua dari kanan) menyaksikan pertukaran MoU antara MGVI dengan MVP serta Pfizer di Institut Genom dan Vaksin Malaysia, semalam.

(Foto ihsan UKK MOSTI)

kita bergantung sepenuhnya kepada pengeluar vaksin luar negara, namun jika kita hasilkan vaksin manusia sendiri, kita tidak perlu lagi bergantung kepada vaksin luar. Itu adalah aspek lebih penting," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan sesi pertukaran memorandum persefahaman (MoU) antara MGVI dengan MVP serta Pfizer di Institut Genom dan Vaksin Malaysia, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif NIBM, Prof Datuk Dr Raha Abdul Rahim; Ketua Negara Kluster Pfizer, Luksunawan Thangapool dan Penggerusi MVP, Datuk Dr Mohd Amin Muslan.

Mou berkenaan bertujuan meneroka potensi projek bersama yang mampu merancakkan pembangunan ekosistem vaksin tempatan, selain membolehkan Ma-

laysia mengembangkan kerjasama antarabangsa dan mengenal pasti bidang untuk diperkuuh serta dibangunkan dalam kerjasama strategik berdasarkan manfaat bersama, selaras Pelan Halatu Pembangunan Vaksin Negara.

**Muktamad kos fasa perjanjian**  
Mengenai kos membangunkan vaksin tempatan, Lih Kang berkata, ia dimuktamadkan apabila kerjasama berkenaan memasuki fasa perjanjian.

"Jika vaksin ini dihasilkan kelak, ia bukan saja untuk kegunaan dalam negara, tapi kita juga sasarkan untuk dijual ke negara lain."

"Pada masa sama, kita turut menggalakkan kerjasama dengan syarikat pengeluar vaksin lain pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu, dalam ucapanannya, Lih Kang berkata, pem-

bangunan ekosistem vaksin yang mampan memerlukan penyelarasan teliti dan komitmen daripada kerajaan dan banyak pihak berkepentingan.

"Pembabitan pihak berkepentingan industri, mesti bermula seawal peringkat pembangunan cadangan untuk memastikan matlamat akhir pengkomersialan vaksin sepadan dengan kepentingan negara dan keperluan syarikat farmaseutikal yang akan membantu kita memasuki ekosistem global."

"MoU ini membolehkan Malaysia menutup jurang dalam kerjasama antarabangsa mengenai penemuan vaksin sehingga infrastruktur pembuatan, selain meningkatkan pertumbuhan kaitangan penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkemahiran tinggi serta membantu pengeluar vaksin tempatan," katanya.

Prevalen antibodi filariasis kurang 2 peratus

**Putrajaya:** Malaysia berjaya mencapai sasaran kadar prevalen antibodi filariasis kurang dua peratus di 125 mukim endemik pada tahun lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sasaran itu dicapai menerusi Program Eliminasi Filariasis Limfatik Kebangsaan (PEFLK) yang dilancarkan sejak 2002 di 127 mukim endemik filariasis di Kedah, Perak, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak.

Sasaran PEFLK adalah menu runkan kadar prevalen individu positif antibodi filariasis kepada kurang daripada dua peratus atau kurang daripada dua orang bagi setiap 100 penduduk di kawasan endemik yang disarang.

"Masih terdapat tiga mukim di Sarawak dan dua mukim di Sabah belum berjaya mencapai prevalen antibodi filariasis kurang daripada dua peratus pada 2022."

"Kes positif antibodi filariasis juga masih dikesan, terutama di mukim berkenaan hasil aktiviti saringan aktif, iaitu 231 kes pada 2020 dan masing-masing 269 kes pada 2021 dan 2022," katanya dalam kenyataan sempena sambutan Hari Penyakit Tropika Terabai (NTD), di sini, semalam.

## Tiada kes baharu untuk

Bagi pesakit yang mengalami komplikasi untul pula, beliau berkata, 76 kes didaftarkan namun tiada kes baharu sejak 2004.

Filariasis limfatik atau untut adalah penyakit di bawah kategori bawaan vektor di bawah NTD yang dikesan di Malaysia.

Dr Noor Hisham berkata, penyebab filariasis limfatik adalah cacing filaria yang disebarluaskan nyamsoni Mansonia spp. Culex spp. dan Anopheles spp. yang menggigit individu telah dijangkiti dan membawa bersama cacing filaria kepada individu sihat lain.

Spesies cacing filaria yang terdapat di Malaysia ialah Brugia malayi.

Cacing filaria dewasa hidup antara enam hingga lapan tahun dalam sistem saluran limfatik, yang menyebabkan kerosakan terutamanya pada bahagian kaki dan tangan, serta mengakibatkan untut (kaki gajah) dan hydrocele (pembengkakan skrotum).

Filariasis dewasa pula menghasilkan berjuta-juta mikrofilaria yang hidup dalam peredaran darah manusia dan ditularkan kepada individu lain melalui gigitan nyamuk.

BERNAMA



Dr Zaliha bersama komuniti dan pelajar perubatan di Malaysia Hall, London.

(Foto FB Dr Zaliha Mustafa)

## Komuniti perubatan di UK boleh perkukuh sektor kesihatan negara

**Kuala Lumpur:** Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berharap komuniti dan pelajar dalam bidang perubatan di United Kingdom (UK) akan terus mengukuh jaringan dengan perkembangan sektor kesihatan di Malaysia.

"Himpun sebanyak mungkin ilmu dan kepakaran di sini, bawa pulang ke tanah air dan bantu kami memperkuuh sektor kesihatan."

"Tinggi harapan saya agar diaspora perubatan di UK akan terus mengukuh jaringan dengan

perkembangan sektor kesihatan di Malaysia," katanya ketika berucap pada Majlis Makan Malam Bersama Komuniti dan Pelajar Perubatan di Malaysia Hall, London, sebagai bagaimana dikongsikan dalam hantaran melalui Facebook beliau, semalam.

Dr Zaliha berkata, beliau percaya golongan itu mempunyai peranan untuk membantu merealisasikan apa yang diperjuangkan KKM dalam Kertas Putih Kesihatan (HWP).

Dalam pada itu, beliau turut mengadakan perbincangan dan

forum bersama pakar perubatan Malaysia yang kini berkhidmat di UK, mengenai perubahan sistem penjagaan kesihatan negara.

Menurut pejabat Menteri Kesihatan dalam satu kenyataan, kelmarin, perbincangan serta forum yang berlangsung pada Sabtu dan Ahad lalu adalah sempena

lawatan kerja beliau selama dua hari di UK.

Sebelum ini, media melaporkan KKM menyerahkan HWP dibentangkan di Parlimen pada pertengahan tahun ini.

Dr Zaliha dipetik berkata, beliau komited untuk memastikan kandungan HWP dapat dilaksana dan direalisasikan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL

**Kuala Lumpur** Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa (**gambar**) mengadakan perbincangan dan forum bersama pakar perubatan Malaysia yang kini berkhidmat di United Kingdom (UK) berhubung perubahan sistem penjagaan kesihatan negara.

Menurut pejabat Menteri Kesihatan dalam kenyataannya semalam, perbincangan dan forum yang berlangsung pada hari Sabtu dan Ahad itu adalah bersempena dengan lawatan kerja beliau selama dua hari di UK.

"Dr Zaliha komited dalam melaksanakan perubahan sistem penjagaan kesihatan negara melalui perbincangan bersama pakar perubatan Malaysia yang kini berkhidmat di UK," menurut kenyataan itu.

## Runding pakar perubatan Malaysia di UK bagi tambah baik sistem penjagaan kesihatan negara

Menurutnya, Zaliha menghadiri program perbincangan khas *Building A Resilient Healthcare System-The Future of Medical Research Collaboration between Malaysia and UK* dalam lawatan kerja berkenaan.

Perbincangan meliputi pelbagai topik, antaranya cabaran yang dihadapi sistem penjagaan kesihatan di seluruh dunia serta isu kerjasama bidang penyelidikan merentasi sempadan.

"Perbincangan dua hala itu penting memandangkan sistem penjagaan kesihatan di UK dan Malaysia mempunyai beberapa persamaan, antaranya menyediakan

perkhidmatan penjagaan kesihatan percutera, dan kedua-dua negara sedang berikhtiar untuk menyediakan perkhidmatan terbaik meskipun berlaku peningkatan kos dan demografiik.

"Input yang diperoleh daripada perbincangan selama kira-kira tiga jam itu amat bermanfaat memandangkan Malaysia sedang merangka sebuah Kertas Putih Kesihatan," katanya.

Menurut kenyataan itu, turut bersama dalam perbincangan ialah Ketua Penggaris Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dan Pakar Kardiologi dari Universiti Oxford, Profesor Madya Dr Masliza Mahmud.

Perbincangan itu adalah program pertama kali diadakan di Oxford oleh Oxford University Malaysia Club (OUMC) dengan kerjasama Clinical Research Malaysia (CRM), katanya.

Dr Zaliha turut menghadiri majlis makan malam bersama kira-kira 40 komuniti dan pelajar perubatan di UK anjuran *Education Malaysia London*.

Menurut kenyataan itu, Dr Zaliha akan menghadiri forum bertajuk *'UK-Malaysia Clinical Research Partnership: Making It Happen'* di Malaysia Hall yang akan dikendalikan oleh Profesor Eric Lim, Pakar Perunding Thoracic Surgeon dari Hos-

pital Diraja Brompton.

Forum yang diadakan pada 7 petang waktu tempatan Ahad itu akan membincangkan kerjasama antara penyelidik klinikal UK dan Malaysia bagi memastikan penyelidikan berkualiti di institusi masing-masing dapat dihasilkan.

Kenyataan itu menyebut, kesemua ahli panel akan berkongsi pengalaman penyelidikan dan pandangan mereka tentang kerjasama sema-

sa dan akan datang dalam bidang kepakaran masing-masing.



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEGARA



DR. ZALIHA (depan tiga dari kiri) bergambar dengan pelajar perubatan Malaysia di London semalam.

Bantu perkukuh sektor kesihatan negara

## Pelajar perubatan UK diminta pulang

**PETALING JAYA** – Komuniti dan pelajar negara dalam bidang perubatan di United Kingdom (UK) diharap membawa pulang kepakaran, sekali gus mengukuhkan jaringan dalam perkembangan sektor kesihatan di Malaysia.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, para pelajar diseru agar mengumpulkan segala ilmu dan kepakaran untuk dibawa pulang ke negara ini.

"Himpun sebanyak mungkin ilmu dan kepakaran, bawa pulang ke tanah air dan bantu kami memperkuatkan lagi sektor kesihatan.

"Tinggi harapan saya agar diaspora perubatan di UK akan

terus mengukuh jaringan dengan perkembangan sektor kesihatan di Malaysia," katanya ketika berucap pada Majlis Makan Malam Bersama Komuniti dan Pelajar Perubatan di Malaysia Hall, London, yang dimuat naik menerusi hantaran di Facebook, semalam.

Dr. Zaliha berkata, beliau percaya golongan itu mempunyai peranan untuk membantu merealisasikan apa yang diperjuangkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi Kertas Putih Kesihatan (HWP).

Terdahulu, Kosmo! melaporkan, industri perubatan Malaysia bakal berdepan isu kekurangan kakitangan apabila ramai doktor

muda memilih luar negara sebagai tempat mencari rezeki atas alasan sukar mengembangkan cita-cita sebagai pakar sepanjang berkhidmat di negara ini.

Selain itu buli dan tiada hala tuju serta sistem kontrak yang tidak jelas menjadi penyebab utama hingga digelar pengkhianat negara kerana membuat keputusan tersebut.

Bukan itu sahaja, ada yang memberi alasan bahawa tekanan emosi dan psikologi disebabkan persekitaran negatif turut menyebabkan penghijrah golongan tersebut pergi ke tempat yang lebih menghargai kepakaran mereka.

**AKHBAR : KOSMO**  
**MUKA SURAT : 5**  
**RUANGAN : NEGARA**



PENYAKIT kusta masih wujud di negara ini. – GAMBAR HIASAN

## KKM kekal komited tangani permasalahan kusta

**PUTRAJAYA** – Malaysia merekodkan peningkatan kes kusta baharu sebanyak 15.5 peratus atau 164 kes pada tahun 2022, berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 142 kes.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, peningkatan itu hasil pengesaman kes secara aktif di lokaliti endemik yang dilakukan oleh anggota kesihatan di peringkat daerah.

Katanya, di peringkat global, penyakit kusta menunjukkan peningkatan pada 2021 iaitu sebanyak 10.2 peratus atau 140,594 kes baharu, berbanding 2020 (128,405 kes baharu).

"Pada 29 Januari 2023, Hari

Kusta Sedunia disambut untuk memperingati mereka terkesan akibat penyakit ini.

"Ia memberi kesedaran bahawa kusta masih wujud serta masyarakat perlu memainkan peranan dalam memastikan kesejahteraan kehidupan pesakit diteruskan.

"Penyakit yang sering terpait dengan stigma dan diskriminasi ini perlu diuar-uarkan agar masyarakat mengetahui bahawa ia adalah sejenis penyakit berjangkit yang tiada kaitan dengan keturunan, selain boleh sembuh," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

## Guna ketum, ganja dalam perubatan akan dibincang dengan KKM

**KOTA BHARU** - Kerajaan akan berbincang secara terperinci bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk melihat kesesuaian dan kaedah penggunaan ketum serta ganja dalam bidang perubatan jika industri berasaskan bahan itu dibenarkan di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, ketum dan ganja di Malaysia adalah bahan kawalan yang memerlukan perbincangan teliti berkait cara pelaksanaan yang boleh dilakukan bagi membolehkan bahan itu ditanam, dijual dan memberi hasil kepada negara dalam keadaan terkawal.

"Kami melihat bahawa memang di negara seperti Amerika Syarikat (AS), Belanda dan Thailand aktif dalam industri ini. Tetapi di negara kita, apabila berkait ganja dan ketum ini, persepsiannya agak berat.

"Jadi, perlu diuruskan supaya kita dapat menghasilkan produk ketum dan ganja dalam keadaan terkawal merangkumi aspek tanaman, proses dan keseluruhannya yang lebih kepada untuk nilai perubatan sama ada hasilin minyak atau

hasil-hasilan untuk dieksport," katanya di sini pada Isnin.

Fadillah yang juga Menteri Perlادangan dan Komoditi berkata, perincian perbincangan itu turut akan melibatkan pihak industri, persatuan dan badan bukan kerajaan (NGO).

"Dari segi saintifik, kemungkinan akan ada jenis produk yang dihasilkan itu bukan daripada kategori ganja atau spesis sama tetapi kesan kurang dari ganja.

"Kita akan meneliti semua aspek supaya kita dapat mengawal perspektif negatif kerana ada juga nilai yang positif daripada penanaman dan penghasilan ketum serta ganja," katanya.

Akhbar sebelum ini mewajahkan perlu ada mekanisme kawalan yang teratur terlebih dahulu sebelum industri berasaskan produk ganja dan ketum dibangunkan di negara ini.

Mekanisme kawalan itu penting bagi melindungi rakyat daripada kemudaratannya akibat penyalahgunaan dan pengalihan bahan-bahan psikotropik yang terdapat pada kedua-dua tanaman itu.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : NASIONAL

## Tahap keselamatan makanan di Malaysia lebih terjamin

**SHAH ALAM** - Rakyat Malaysia yang menjamu selera di Thailand dinasihatkan agar mengutamakan aspek kebersihan dan keselamatan makanan yang dibeli di negara berkenaan.

Timbalan Setiausaha Agung Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Nur Asyikin Aminuddin berkata, kedua-dua aspek berkenaan perlu diberi penekanan agar hidangan yang dimakan di negara itu tidak mendatangkan kemudaran terhadap kesihatan.

"Kita tidak pasti dengan tahap keselamat-



NUR ASYIKIN

an makanan di negara jiran, selain itu, isu kebersihan dan halal juga turut menjadi persoalan.

"Tahap keselamatan makanan di Malaysia lebih terjamin jika nak dibandingkan dengan negara jiran.

"Ini kerana Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah bertungkus lumus untuk memastikan semua pengendali makanan di Malaysia menjalani-kursus pengendalian makanan yang selamat," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

*Sinar Harian* pada Isnin melaporkan rakyat Malaysia gemar menikmati makanan di

Thailand ekoran masakan di negara itu bukan sahaja sedap, malah saiz hidangannya juga lebih besar berbanding di negara ini.

Mengulas lanjut, Nur Asyikin turut mempersoalkan sama ada makanan yang dijual di sempadan Thailand boleh dijamin keselamatannya atau tidak.

"Sukar untuk kita pastikan sama ada pekerja makanan di restoran atau kedai makan di Thailand telah mendapatkan suntikan tifoid atau tidak.

"Sedangkan kita tahu di Malaysia, setiap pengendali makanan wajib mengambil suntikan tersebut bagi mengelakkan penularan demam kepalu melalui kaedah penyediaan makanan," ujar beliau.

**AKHBAR : NEW STRAITS TIMES****MUKA SURAT : 7****RUANGAN : NATION / NEWS****BRAIN GAIN**

## Ministry seeks tie-up with UK's expat researchers

**LONDON:** Malaysia hopes to leverage its expatriate researchers in the United Kingdom to form collaborations with clinicians back home, Minister of Health Dr Zaliha Mustafa said.

Dr Zaliha said similar moves to enable knowledge transfer would be made with Malaysian expats in other countries.

"There are more than 1,000 active and experienced clinical trialists in Malaysia delivering quality research in their institutions.

"I believe that with the right partnerships we could leverage common research interests and areas between both countries and make these projects happen," she said in her opening address at the UK-Malaysia Clinical Research Partnership forum on Sunday.

The forum, organised by Clin-

ical Research Malaysia at Malaysia Hall, brought about 70 Malaysians working in medical research in universities, industries and hospitals in Oxford, Cambridge, Manchester, Plymouth and Sheffield.

Dr Zaliha said CRM, as a one-stop centre with sponsored and multi-national clinical research in the country, had improved the landscape of clinical research.

"With the clinical research industry flourishing, we need to explore what can be done to improve the quality of healthcare to our patients, especially in conducting evidence-driven research that helps to better manage patients," she said.

She said the ministry was looking into behavioural and social insights to manage patients.

"We have seen how this model has worked in the management of Covid-19, by ensuring that the population adopts protective behaviour, such as masking and self testing," said Dr Zaliha.

The minister hoped that the networking at the forum would mature into collaborations.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the collaboration was a win-win situation and it could transform brain drain to brain gain.

"When they came to the UK, they continued to pursue their careers in research and they are now established in their fields.

"This is where they create a platform where they can train more Malaysians and also collaborate with us in Malaysia for clinical trials for example."